

15/10/2002

Malaysia-Brunei perkukuh kerjasama

Lichong Angkui

KETIKA sesi soal jawab bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu, seorang rakyat Malaysia dari Semenanjung yang sudah lama tinggal dan bekerja di Bandar Seri Begawan, menceritakan kesulitan dihadapinya setiap kali pulang ke kampung isterinya di Sabah kerana terpaksa melalui pemeriksaan imigresen beberapa kali di pintu sempadan kedua-dua negara.

Tanpa berselindung, beliau memberitahu Perdana Menteri bahawa apa yang dialaminya amat menyulitkan - pasportnya dicop lapan kali bagi perjalanan sehala dari Bandar Seri Begawan ke Kota Kinabalu yang jaraknya cuma kira-kira 280 kilometer.

Jika berkereta tanpa berhenti, jangka masa memandu cuma kira-kira empat jam manakala masa terkumpul beratur di pos-pos imigresen mencapai tiga hingga empat jam, terutama pada hujung minggu dan cuti umum.

Pasport akan mula dicop di Lurah (Brunei), kemudian Tedungan (Sarawak); Limbang (Sarawak); Puni, Temburong (Brunei); Labu, Temburong (Brunei); Lawas (Sarawak); Merapok (Sarawak) dan akhirnya di Sindumin (Sabah).

Ini bermakna untuk perjalanan ulang-alik antara dua destinasi di Sabah dan Brunei saja, pasport seseorang akan dicop 16 kali yang mungkin memenuhi beberapa halaman. Jadi, jika seseorang kerap berulang-alik, pasport setebal 32 halaman berharga RM300 pastinya tidak tahan lama.

Jawapan yang diberikan oleh Dr Mahathir cukup jelas. Segala masalah yang dihadapi dari segi masa beratur serta kos membuat pasport dapat diatasi menerusi penggunaan kad pintar sepenuhnya.

Namun, untuk melaksanakannya, banyak perkara perlu dibuat termasuk pembekalan kemudahan peralatan dan aplikasi teknologi maklumat di pejabat Jabatan Imigresen di sempadan. Lebih penting, ia tidak boleh dilaksanakan tanpa persetujuan kedua-dua negara.

Sebab itu, kata Perdana Menteri, Malaysia sedang berusaha meyakinkan Kerajaan Brunei supaya menerima penggunaan kad pintar rakyat Malaysia untuk urusan imigresen di sempadan kedua-dua negara.

Penggunaan kad pintar, yang tidak memerlukan dokumen itu dicop, akan mudah dan mempercepatkan perjalanan mereka yang berurusan di antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir mengakui penggunaan pasport yang terpaksa dicop sehingga lapan kali bagi perjalanan sehala, adalah sesuatu yang menyulitkan.

Hakikatnya, persoalan mengenai penggunaan pasport bagi perjalanan dalam negara sendiri, khususnya dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, bukanlah cerita baru tetapi sudah berdekad lamanya, malah ia menghiasi laporan akhbar sejak dulu lagi.

Dalam konteks kerajaan negeri Sabah dan Sarawak, penggunaan pasport sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Kecuali ada usaha dilakukan untuk memperbaiki dan memperbetulkannya, penggunaan pasport untuk memasuki kedua-dua negeri itu termaktub dalam sistem perundangan mereka yang diwarisi sejak kedua-dua wilayah menyertai pembentukan Malaysia.

Mungkin sudah tiba masanya suatu langkah bijak diambil bagi kebaikan semua pihak tanpa mengetepikan hak dan kepentingan sesiapa.

Isu penggunaan pasport adalah antara enam soalan yang dikemukakan oleh rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri pada sesi soal jawab ketika jamuan tengah hari di Bandar Seri Begawan itu.

Lawatan kerja dua hari itu adalah sempena perundingan tahunan secara bergilir kali keenam di antara Dr Mahathir dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah.

Tahun lalu, Sultan Brunei melawat Kuala Lumpur dan kali ini giliran Perdana Menteri pula berkunjung ke Bandar Seri Begawan dengan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Soalan lain yang dikemukakan kepada Perdana Menteri termasuk kemungkinan menubuhkan Sekolah Malaysia di Bandar Seri Begawan berikutan bilangan rakyat Malaysia di negara itu dikatakan mencapai sehingga 30,000 orang.

"Ia satu idea baru, kita akan kaji," demikian jawapan Dr Mahathir.

Seperti dijelaskan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Datuk Salman Ahmad, kebanyakan rakyat Malaysia yang bermastautin di Brunei adalah peniaga, pakar perubatan, pensyarah universiti dan guru agama selain pelajar yang menuntut di Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan belia yang bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan.

Secara umum, hubungan dan kerjasama dua hala di antara Brunei dan Malaysia sangat akrab, malah tidak pernah tercetus pertelingkahan atau kontroversi.

Sebagai anggota berjiran dalam satu gagasan, Brunei dan Malaysia komited ke arah mewujudkan kerjasama berasaskan semangat Asean. Persamaan dari segi agama, bahasa dan kebudayaan dalam rumpun Melayu-Islam menjadikan perhubungan kedua-dua negara lebih mantap dan gemilang.

Dr Mahathir, yang ditanya mengenai pertemuannya dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, mengakui hubungan kedua-dua negara amat baik dan mereka bertukar idea bagaimana memperkukuhkan lagi kerjasama.

Masalah berkaitan sempadan darat dan laut kedua-dua negara yang dihadapi sejak sekian lama, akan diatasi mengikut prinsip permuafakatan tetapi ia tidak menjejaskan perhubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata, perbincangannya dengan Sultan Brunei juga menyentuh keadaan dunia sekarang dan bertukar-tukar pendapat bagaimana kedua-dua negara boleh bekerjasama menanganinya.

Selain itu, mereka berbincang mengenai Asean dan Asean+3 serta perhubungan sesama negara anggota. Nampaknya, Brunei komited kepada Asean+3, malah menyokong cadangan Kuala Lumpur untuk menjadi sekretariat gagasan kerjasama Asean itu bersama tiga rakan dialog - China, Jepun dan Korea Selatan.

Keseluruhannya, lawatan Dr Mahathir ke Brunei kali ini berjaya memperkukuhkan lagi kerjasama sedia terjalin selama ini.

Hakikat ini turut diakui Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, bahawa kerjasama dan perhubungan dua hala antara Malaysia dengan Brunei sangat akrab dan tidak menghadapi sebarang masalah.

Katanya, mesyuarat tahunan kedua-dua pemimpin yang diadakan secara bergilir menjadi mekanisme berkesan ke arah meningkatkan lagi hubungan Kuala Lumpur dengan Bandar Seri Begawan.

"Lawatan seperti ini menunjukkan betapa eratnya hubungan kita sebagai dua negara berjiran dalam Asean dan kita mahu untuk terus mempereratkan lagi kerjasama perdagangan, pelaburan dan sebagainya," katanya sambil menyatakan perbincangan kedua-dua pemimpin meliputi semua aspek secara keseluruhan dalam skop lebih luas.

Secara keseluruhan, katanya, kedua-dua pemimpin mahu melihat kerjasama erat diperkukuhkan.

Bagi Malaysia dan Brunei, persamaan dalam bidang bahasa dan kebudayaan serta Islam sebagai agama rasmi menjadi pemangkin perhubungan yang lebih akrab dalam erti kata sebenarnya.

Jarak yang dekat ke Bandar Seri Begawan, iaitu cuma 25 minit penerbangan dari Kota Kinabalu dan dua setengah jam dari Kuala Lumpur, tentunya menjadi satu lagi faktor yang boleh menyumbang kepada jalinan kerjasama lebih erat.